

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

01.12.2017

PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG PERKEMBANGAN KORPORAT SEMASA

SUPERMAX CORPORATION BERHAD (“SUPERMAX”)

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Supermax, Dato’ Seri Stanley Thai yang merupakan Pengarah Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan syarikat itu telah disabitkan kesalahan perdagangan orang dalam oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah Seksyen 188 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Mahkamah membenarkan penangguhan pelaksanaan dan rayuan telah difailkan terhadap sabitan dan hukuman.

Supermax memaklumkan orang ramai perniagaannya berjalan seperti biasa dan pasukan pengurusannya komited untuk memberikan prestasi serta keuntungan perniagaan yang baik demi kepentingan syarikat dan pemegang sahamnya.

Kedudukan perniagaan kekal teguh dan pihak pengurusan tetap utuh dalam mengembangkan perniagaan menuju ke hadapan.

[Sumber: Pengumuman Supermax di laman web Bursa Malaysia pada 24 November 2017]

KOMEN MSWG:

Kami ingin menegaskan pendirian kami bahawa para pengarah yang disabitkan dengan kesalahan jenayah perlu mengambil cuti daripada tugas sebagai Lembaga Pengarah, tidak kira sama ada mereka memohon untuk menggantung pelaksanaan hukuman dan membuat rayuan terhadap kes mereka.

Di samping itu, kami tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Pengerusi Supermax bahawa pertuduhan Dato’ Seri Stanley Thai hanya berkaitan dengan APLI dan bukannya syarikat. Kami percaya Lembaga Pengarah perlu mengkaji semula dan memasukkan sesetengah aspek dan tatakelakuan tadbir urus korporat yang lebih mantap ke dalam Kod Etika sedia ada bagi memasukkan sistem yang membenarkan penyingkiran, penggantungan atau menghalang pengarah yang mana integriti perniagaannya telah dikompromi berikutan kesalahan tertentu.

TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 4 HINGGA 8 DISEMBER 2017

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
04.12.17 (Isnin) 10.00 pagi	IOI Corporation Bhd (EGM)	Putrajaya Marriott Hotel, IOI Resort City, Sepang Utara
06.12.17 (Rabu) 11.30 pagi	Scientex Bhd (AGM/EGM)	Scientex Packaging Film Sdn Bhd, Taman Perindustrian Pulau Indah, Port Klang
07.12.17 (Khamis) 09.30 pagi	Seal Incorporated Bhd (AGM)	Olive Tree Hotel, Bayan Lepas, Penang
07.12.17 (Khamis) 10.00 pagi	My E.G. Services Bhd (AGM/EGM)	Pusat Konvensyen Sime Darby, 1A, Jalan Bukit Kiara 1, KL
07.12.17 (Khamis) 10.00 pagi	Gamuda Bhd (AGM)	Kota Permai Golf & Country Club, Kota Kemuning, Shah Alam
07.12.17 (Khamis) 03.00 petang	MUI Properties Bhd (AGM)	Corus Paradise Resort, Port Dickson
07.12.17 (Khamis) 04.00 petang	Malayan United Industries Bhd (AGM)	Corus Paradise Resort, Port Dickson
08.12.17 (Jumaat) 11.00 pagi	Tiger Synergy Bhd (AGM)	Royal Sungei Ujong Club, Seremban, N9

Perkara penting untuk diajukan:	
Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
Scientex Bhd (AGM/EGM)	<p>(i) Apakah kadar penggunaan semasa untuk kilang Kumpulan dan kapasiti sasaran yang ingin dicapai dalam beberapa tahun akan datang selaras dengan unjuran pengembangan Kumpulan?</p> <p>(ii) Berapa banyakkah yang sudah dibelanjakan untuk perbelanjaan modal setakat ini? Apakah kadar pulangan Kumpulan daripada pelaburan modal ini?</p> <p>(iii) Sila jelaskan perkembangan terkini mengenai usaha Kumpulan untuk meneroka pembekal baharu bagi mengembangkan pangkalan pembekal demi memenuhi pertumbuhannya?</p> <p>(iv) Sila maklumkan pemegang saham tentang pendekatan pemasaran agresif yang dilancarkan oleh Kumpulan, kos yang dianggarkan serta pencapaian semasa.</p>
Seal Incorporated Bhd (AGM)	<p>1. Dalam prospek pasaran semasa, ada petunjuk pasaran yang akan terus memberikan cabaran kepada pemain industri. Walau bagaimanapun, Kumpulan berjaya bertahan dalam pasaran hartanah yang lembap, terutama dalam TK2017.</p> <p>Bagaimanakah Lembaga merancang dan mengekalkan perniagaan hartanahnya dalam suasana ketidakpastian yang berterusan dalam persekitaran domestik?</p> <p>2. Apakah tindak balas Syarikat terhadap langkah pencegahan terkini oleh Bank Negara untuk segmen hartanah mewah?</p>
My E.G. Services Bhd (AGM)	<p>Pada 16 Februari 2017, Syarikat menerima pengesahan daripada peguamnya yang mengatakan Permohonan untuk Semakan Kehakiman ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap Bursa Malaysia Securities Berhad dan Bursa Malaysia Berhad mengenai Teguran Awam telah difailkan pada 10 Februari 2017 dan pengurusan kes akan didengar pada 27 Februari 2017.</p> <p>Bolehkah Lembaga maklumkan perkembangan terkini?</p>
My E.G. Services Bhd (EGM)	<p>Menurut Syarikat, program penginapan pekerja asing ("FWAP") boleh dianggap sebagai perniagaan yang intensif modal, bergantung pada saiz dan lokasi.</p> <p>Bagaimanakah diversifikasi dijangka menjejaskan penggearan Kumpulan?</p>

Perkara penting untuk diajukan:

<p>Gamuda Bhd (AGM)</p>	<p>1. Bolehkah Lembaga kongsi pendapat/ pandangan mereka tentang perkembangan berkaitan industri hartanah dan potensi impaknya kepada Kumpulan. Contohnya, pembekuan sementara oleh pengawal selia terhadap pembangunan hartanah mewah di Malaysia?</p> <p>Sila maklumkan situasi terkini dan implikasi negatifnya terhadap Kumpulan dan jelaskan bagaimana dasar ini memberi kesan terhadap operasi dan prestasi kewangan Kumpulan.</p> <p>2. Seperti yang dinyatakan dalam Kenyataan Pengarah Urusan Kumpulan, Kumpulan melabur dalam dua kilang Sistem Bangunan Berindustri (IBS) yang bersepadu secara digital.</p> <p>(i) Adakah IBS dapat menangani atau mengurangkan isu intensiti buruh dan yang berkaitan dalam projek pembinaan dan infrastruktur Kumpulan? Sejauh manakah perkara ini dapat diterjemahkan kepada penjimatan atau pengoptimuman kos atau masa? Pemegang saham berminat untuk mengetahui bagaimana dan sejauh mana ia membantu Kumpulan untuk lebih berdaya saing dan pada masa yang sama meningkatkan marginnya.</p> <p>(ii) Adakah kerajaan menawarkan sebarang insentif kepada penggunaan IBS dalam projek pembinaan?</p> <p>(iii) Adakah IBS Kumpulan melibatkan penggunaan percetakan 3D untuk penyesuaian komponen yang tepat?</p>
<p>MUI Properties Bhd (AGM)</p>	<p>Segmen hartanah berhadapan risiko kadar penolakan pinjaman yang tinggi, sentimen pengguna dan pasaran yang lemah serta potensi kenaikan kadar faedah dalam suku Pertama 2018.</p> <p>(i) Apakah langkah yang diambil untuk menangani risiko di atas? Apakah kesan yang timbul daripada langkah terkini berkaitan hartanah yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia untuk mengurangkan serta menangani lebihan penawaran hartanah dalam pasaran?</p> <p>(ii) Sila nyatakan, jika ada, lebihan bekalan atau hartanah yang tidak terjual dalam portfolio Kumpulan dan langkah yang diambil untuk menanganinya.</p> <p>(iii) Apakah perkembangan semasa di Bandar Springhill dan apakah pelancaran yang dirancang untuk TK2018?</p>
<p>Malayan United Industries Bhd (AGM)</p>	<p>Kami mendapati kerugian daripada pertukaran asing yang tidak direalisasikan berjumlah RM15.5 juta berpunca daripada baki dalam kumpulan yang timbul daripada susut nilai Ringgit Malaysia berbanding mata wang asing utama juga menyumbang kepada kerugian keseluruhan.</p> <p>(i) Bolehkah Lembaga kongsi langkah penting yang diambil untuk meminimumkan kerugian pertukaran asing yang tidak menguntungkan dalam tahun kewangan akan datang?</p> <p>(ii) Adakah Syarikat akan melaksanakan sebarang bentuk dasar lindung nilai dalam masa terdekat?</p>

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Elaine Choo, Pengurus, Pemantauan Korporat elaine.choo@mswg.org.my
Mustaqim Yusof, Penganalisa, Khidmat Korporat mustaqim.yusof@mswg.org.my
Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat farisyusof@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke corporateservices@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.